

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 13 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 19**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1243-L13347  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah kejayaan Kempen Kesedaran Barah Payu Dara atau '*Pink October*' yang berlangsung sepanjang bulan Oktober dan nyatakan sejauh manakah penyertaan agensi Kerajaan, swasta dan institusi pendidikan.
2. PN-1243-L13683  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap keselamatan kita terutama di perairan yang menyebabkan ramai pendatang tanpa izin terutama dari Indonesia yang menggunakan laluan masuk perairan kita dengan jumlah yang begitu banyak. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan perkara ini tidak berulang.
3. PN-1243-L13653  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) status terkini dan kedudukan kewangan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), berapakah subsidi Kerajaan telah diberikan kepada syarikat tersebut sejak ditubuhkan dan apakah rasionalnya Kerajaan mewujudkan sebuah entiti baru iaitu National Sewerage Company (Nascom); dan
  - (b) apakah sebab-sebab penswastaan projek pembedungan telah menemui kegagalan walau pun syarikat tersebut memonopoli perkhidmatan pembedungan.
4. PN-1243-L13278  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam menangani isu '*sub standard housemen*' seperti yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini.

5. PN-1243-L13369  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengenakan cukai penalti khas atas mana-mana kenderaan dan kilang-kilang yang mengakibatkan sebaran '*carbon emission*' berlebihan kepada persekitaran yang jelas mencemarkan 'tahap indeks sihat udara'.
6. PN-1243-L13762  
**Datuk Chiu Tiang Chai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan siswazah yang mengikut Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) dan nyatakan bidang latihan yang diikuti serta peluang bagi siswazah ini mendapat pekerjaan selepas menamatkan latihan.
7. PN-1243-L13432  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi membela warga emas khususnya keistimewaan mendapatkan potongan harga bagi penginapan di hotel, pengurangan tambang bas dan kapal terbang serta diskaun untuk membeli barangan tertentu.
8. PN-1243-L13082  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji ini berfungsi dalam menyelaraskan pentadbiran wakaf di seluruh negara dan bagaimanakah usaha Kerajaan bagi memberi pemahaman tentang konsep dan pentadbiran harta wakaf bagi meningkatkan ekonomi umat Islam.
9. PN-1243-L13204  
**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila pelaksanaan penggunaan bahasa Tamil di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA ini kerana terdapat peningkatan kedatangan pelancong asing dari negara India melawat negara kita Malaysia dan penggunaan bahasa Arab di KLIA juga digunakan sewaktu musim percutian pelancong dari negara Arab.
10. PN-1243-L13148  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah benar Kementerian bercadang mewajibkan semua pembantu rumah asing kecuali Indonesia mengikuti kursus Bahasa Malaysia selama 6 bulan sebelum di benar bekerja di negara ini dan jika benar, bagaimanakah cara pengendalian kursus ini.
11. PN-1243-L13243  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bank tempatan dan bank negara asing pada masa kini. Adakah kelebihan bank asing akan membawa kesan kepada ekonomi negara semasa ekonomi merosot.

12. PN-1243-L13634  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam pemulihan dan mempromosi tapak-tapak bersejarah di sekitar Lembah Bujang dan Kuala Kedah.
13. PN-1243-L13235  
**Puan Doris Brodie** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini prestasi GLC yang telah melalui program transformasi dan apakah langkah seterusnya oleh Kerajaan jika masih terdapat GLC yang masih gagal menunjukkan prestasi terbaik di sebalik program ini.
14. PN-1243-L13163  
**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
  - (a) mengapakah syarikat automotif Proton sering kali gagal dalam kolaborasi serta perjanjian persefahaman di mana yang terbaru dengan Nissan Motor Company Limited atas alasan perbezaan pandangan; dan
  - (b) adakah PROTON bakal mengambil kira Syarikat PERODUA sebagai rakan kerjasama dalam usaha memajukan industri automotif tempatan tanpa terlalu bergantung pada usaha sama dengan syarikat automotif luar.
15. PN-1243-L13546  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab-sebab penduduk di setengah-setengah rumah pangsa atau apartmen dikenakan kadar komersial bagi penggunaan air dan elektrik.
16. PN-1243-L13841  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan liberalisasi yang akan berlaku di sektor perbankan dan apakah usaha-usaha penggabungan yang sedang berjalan sekarang untuk memperkukuhkan bank-bank tempatan bagi menghadapi pasaran yang lebih terbuka dan kompetitif.
17. PN-1243-L13798  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah isu-isu utama yang berbentuk struktural yang mencabar daya saing ekonomi negara (*economic competitiveness*) ketika ini serta sejauh manakah negara akan bergantung terhadap sektor-sektor ekonomi berasaskan sumber (*resource-based economic sectors*) seperti sektor petroleum dan komoditi untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara.

18. PN-1243-L13467  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah Parlimen Belia akan dilaksanakan dan nyatakan kriteria pemilihan anggota Parlimen Belia berkenaan serta nyatakan sejauh manakah program Parlimen Belia ini akan dapat melahirkan sifat kepimpinan tulen yang menghargai konsep demokrasi.
19. PN-1243-L13444  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan aktiviti nilai tambah seperti pemprosesan hasil pertanian dan pusat inkubator pertanian di perkampungan Orang Asli menggunakan hasil pengeluaran pertanian mereka berkonsep *One Village One Product* (OVOP) atau Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang berjaya dilaksanakan di negara Thailand.
20. PN-1243-L13206  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perancangan Kerajaan di dalam RMK-10 untuk mempertingkatkan prasarana sekolah di kawasan luar bandar memandangkan ianya masih jauh ketinggalan berbanding dengan kemudahan yang ada di kawasan bandar dan mengapa jurang ini dilihat semakin bertambah setiap tahun.
21. PN-1243-L13095  
**Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan tindakan serta program yang telah dan akan dirancang oleh Kementerian dan sejauh manakah kerjasama dilakukan dengan agensi Kerajaan yang lain serta badan bukan Kerajaan (NGO) dalam menangani jenayah merompak dan mencuri serta gejala sosial seperti seks bebas sehingga ada yang bersalin dan membunuh bayi sendiri, yang semakin berleluasa di kalangan remaja pada masa ini.
22. PN-1243-L13840  
**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan dan usaha-usaha Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada import barang-barang makanan utama seperti beras dan gula dan apakah pelan jangka masa panjang bagi menstabilkan harga barang makanan di negara ini.
23. PN-1243-L13125  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah-rumah pangsa yang telah mendapat "*strata title*" tetapi masih belum diserahkan kepada perbadanan pengurusan.
24. PN-1243-L13047  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil keberkesanan sistem e-Kerajaan dalam perkhidmatan awam yang telah dilancarkan beberapa tahun lepas dan apakah masalah yang kerap dihadapi dan sejauh mana ia menyumbang dalam meningkatkan mutu kerja di sektor awam.

25. PN-1243-L13758  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan terhadap penganjur program Seksualiti Merdeka 2011 yang bertujuan mempromosikan budaya seks lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang bertentangan dengan budaya dan undang-undang negara.
26. PN-1243-L13700  
**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa kini terdapat bank tempatan yang mengeluarkan kad-kad kredit ini, hanya untuk mempamerkan jumlah pelanggan tetapi dengan sewenang-wenangnya menyekat sesebuah kad walaupun pengguna telah membuat bayaran minimum seperti mana dalam terma yang dipersetujui. Apakah tahap pemantauan oleh pihak bertanggungjawab ini dilihat tidak mantap sehinggakan pengeluar kad kredit ini boleh bertindak mengikut sesuka hati.
27. PN-1243-L13740  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah banjir besar yang melanda negara Thailand sejak tiga bulan lalu memberi kesan ke atas bekalan beras negara kita memandangkan negara jiran itu adalah pembekal utama beras negara. Berapa banyakkah bantuan yang dihulurkan oleh Malaysia kepada negara jiran itu.
28. PN-1243-L13714  
**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) adakah Majlis Sukan Negara (MSN) mendapat tajaan atau sumbangan daripada Telekom Malaysia (TM), berkaitan iklan-iklan di akhbar-akhbar mengucapkan tahniah kepada atlet; dan
  - (b) jika ya, adakah badan Kerajaan mendapat tajaan dan bersaing dengan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan bukannya ini akan menjejaskan tajaan yang diterima oleh PSK.
29. PN-1243-L13185  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah kursus-kursus yang ditawarkan kepada 1000 pelajar kaum India yang diberi tambahan tempat untuk melanjutkan pengajian dalam program matrikulasi di kolej-kolej swasta dan adakah program matrikulasi ini diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara (MQA) dan universiti sebagai syarat kemasukan; dan
  - (b) mengapa Kerajaan Pusat melantik parti politik untuk mengendalikan permohonan program matrikulasi dan bukan agensi yang bertauliah.

30. PN-1243-L13718  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada biasiswa dan pinjaman akan masih diperuntukkan kepada para pelajar yang mengambil peperiksaan SPM tahun ini dan apakah langkah-langkah untuk membantu golongan pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan cemerlang.
31. PN-1243-L13757  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kes-kes pembinaan(tanpa izin) rumah-rumah ibadat dan apakah tindakan-tindakan yang diambil.
32. PN-1243-L13433  
**Datuk Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji satu dasar insentif atau menawarkan rebat lebih besar bagi kenderaan elektrik (EV) bagi menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada kenderaan jenis itu.
33. PN-1243-L13037  
**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan sebagai lapangan terbang antarabangsa yang diumumkan pada September 2011 dan apakah kos sebenar dan kemudahan yang di naik taraf untuk projek tersebut.
34. PN-1243-L13072  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan untuk mengkaji balik kuota pembungkusan minyak masak kerana berlaku ketidakadilan di dalam pembahagian berkenaan, sepatutnya Kerajaanengehadkan kepada maksimum pembungkusan hanya ke tahap 1000 tan metrik sebulan tetapi ada syarikat yang melebihi tahap tersebut. Kerajaan seharusnya membuat semakan kembali dan menentukan kuota untuk golongan Bumiputera secara jelas dan jika ada yang dialibabakan, adakah Kerajaan bertegas untuk menarik balik kelulusan kuota berkenaan dan diserahkan kepada mereka yang berminat.
35. PN-1243-L13268  
**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah lokasi yang telah diwujudkan Terminal Agribisnes Negara (TEMAN) serta bilangan peniaga yang terlibat dalam program ini.
36. PN-1243-L13511  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah pemohon sudah bermanfaat daripada program *My First Home Scheme* dan apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu pemohon yang mengalami masalah dalam permohonan.

37. PN-1243-L13859  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pihak Kerajaan telah berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, tetapi pada ketika ini, tiada satu pun universiti tempatan kita, sama ada awam atau swasta, termasuk dalam senarai universiti terkemuka dunia. Apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan universiti tertua negara ini iaitu Universiti Malaya disenaraikan di antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.
38. PN-1243-L13488  
**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sebab peruntukan untuk bulu tangkis sukan badminton kepada Persatuan Badminton Malaysia/Negeri-negeri untuk tahun 2011 masih belum diberi, kerana ini menyekat pembangunan sukan badminton di negeri-negeri.
39. PN-1243-L13468  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pengusaha syarikat keselamatan yang mengabaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam pengendalian Proses Pemindahan Wang (CIT) dan barangan bernilai tinggi dan nyatakan bilangan kes rompak van keselamatan seluruh negara bagi tahun 2010 dan 2011 serta nyatakan tindakan yang telah diambil ke atas syarikat keselamatan ini.
40. PN-1243-L13348  
**Dato' Zaitun binti Mat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan cukai untuk mesin berat yang digunakan dalam industri pembinaan bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing yang kini berjumlah dua juta orang.
41. PN-1243-L13889  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan cara-cara meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar menjelang 2020.
42. PN-1243-L13869  
**Datuk Paul Kong Sing Chu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, PPSMI akan diberhentikan, dan apakah kelebihannya bertukar kembali kepada Bahasa Malaysia. Adakah terdapat apa-apa kajian yang menyeluruh atas hasil PPSMI sebelum keputusan sedemikian dibuat.
43. PN-1243-L13530  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah rakyat jelata khususnya golongan peniaga dan pekilang sudah diberi pemahaman yang secukupnya tentang *Goods and Service Tax* (GST) dan bilakah Kerajaan akan mula melaksanakannya.

44. PN-1243-L13662  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan import jagung (*corn*) yang kini bernilai hampir RM2 bilion setahun; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah bekalan beras akibat banjir di Thailand dan Kemboja dan pelan tindakan Kerajaan Malaysia untuk menambahkan pengeluaran beras tempatan.
45. PN-1243-L13062  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan pinjaman Malaysia dari negara-negara luar dan prestasi bayaran balik bagi 3 tahun berturut-turut 2008, 2009 dan 2010. Nyatakan jua tujuan dan kegunaan pinjaman-pinjaman tersebut.
46. PN-1243-L13175  
**Dr. S. Ramakrishnan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) statistik tahanan di Pusat Tahanan Simpang Renggam Johor dan Machap Umboo di Melaka sehingga kini mengikut kaum dan kesalahan; dan
  - (b) mengapa tahanan ini tidak didakwa di bawah Kanun Keseksaan bagi membolehkan mereka dibicarakan di mahkamah.
47. PN-1243-L13333  
**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menyiasat kes-kes rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa membabitkan Laporan Ketua Audit Negara 2010 bagi memperbaiki sistem penyampaian awam.
48. PN-1243-L13677  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa pihak Kementerian tidak bercadang menyediakan peruntukan tetap setiap tahun bagi menggiatkan lagi aktiviti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ke arah kecemerlangan sekolah-sekolah sedangkan Kerajaan telah menghapuskan banyak yuran pembelajaran di sekolah.
49. PN-1243-L13141  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar jurusan pendidikan di institusi pengajian tinggi dan jumlah kekosongan jawatan guru di sekolah-sekolah.



50. PN-1243-L13766  
**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah memperkasa dan memasyarakatkan Dasar Pertanian Negara agar difahami dan dihayati oleh masyarakat awam di sektor pertanian dan lebih khusus dan lebih penting lagi oleh kakitangan Kementerian pada setiap peringkat.
51. PN-1243-L13558  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam Bajet 2012, isi rumah berpendapatan RM3000 ke bawah akan diberi sumbangan berjumlah RM500 melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Bagaimanakah wang tersebut akan disalurkan dan apakah mekanisme yang akan diguna pakai bagi mengenal pasti golongan sasaran yang layak menerima bantuan tersebut memandangkan ramai berpendapatan bawah RM3000 yang tidak mempunyai fail di LHDN.
52. PN-1243-L13723  
**Tuan Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah punca-punca yang menyebabkan pelajar di negara ini tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik selepas mempelajarinya selama 11 tahun di sekolah. Apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh Kementerian bagi menangani masalah berkenaan. Adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan khidmat guru-guru Bahasa Inggeris yang sudah bersara bagi tujuan berkenaan.
53. PN-1243-L13253  
**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana kawasan yang diwartakan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar Kelas II di bawah Pelan Fizikal Negara di bangun untuk kilang pembuatan timah di Perak.
54. PN-1243-L13482  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kebolehpasaran graduan IPT Malaysia dan apakah kursus-kursus yang menjadi lambakan yang menjejaskan peratusan kebolehpasaran graduan IPT.
55. PN-1243-L13590  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan dasar-dasar yang telah digubal oleh NKRA, ETP, GTP dapat disampaikan ke peringkat akar umbi. Setakat ini sejauh manakah keberkesanan mekanisme yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan ia sampai ke semua lapisan masyarakat.
56. PN-1243-L13500  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk enam tahun yang lalu 2006-2011, berapakah jumlah kewarganegaraan (*citizenship*) yang diluluskan oleh pihak Kementerian mengikut gender dan kewarganegaraan asal untuk setiap kategori kewarganegaraan.

57. PN-1243-L13130  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan 'Program Minda Sihat Menangani Stres di Kalangan Murid Sekolah'.
58. PN-1243-L13293  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah pecahan kaum yang terlibat dalam mengusahakan ladang kelapa sawit di negara ini dan juga tenaga kerja buruh yang diguna pakai di ladang-ladang ini mengikut kaum dan pekerja asing. Apakah dasar Kerajaan dalam memastikan agar tiada elemen monopoli oleh sesebuah kaum dalam industri kelapa sawit ini.
59. PN-1243-L13412  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan setakat manakah perkembangan dan kebaikan dalam menubuhkan Universiti Khas Sukan.
60. PN-1243-L13812  
**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kementerian ke atas masalah-masalah sosial serta kes-kes jenayah yang kian meningkat pada masa kini. Fenomena ini adalah amat membimbangkan kerana masalah sosial dan kes jenayah ini akan menjejaskan sektor pelancongan negara kita.
61. PN-1243-L13881  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai penggubalan dua undang-undang baru yang akan menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan apakah status penggubalannya.
62. PN-1243-L13622  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk memastikan hutang negara terkawal dan tidak melanggar Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983.
63. PN-1243-L13398  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang harus diambil bagi meningkatkan kesedaran ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk melengkapkan prosedur penamaan.
64. PN-1243-L13579  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Kementerian-kementerian berasingan (*standalone*) yang baru seperti berikut dan jika tidak, apakah sebabnya:-
- (a) Kementerian Pembangunan ICT (*Information and Communications Technology*), Kementerian Pembangunan Usahawan; dan

(b) Kementerian Tenaga (*Energy Ministry*).

65. PN-1243-L13788

**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian sudah memberikan subsidi kepada bahan-bahan bakar selain gas asli kepada sektor perkilangan, berapakah jumlah keseluruhan subsidi berkenaan yang sudah diberikan serta sektor-sektor apakah yang terpilih untuk menerima subsidi tersebut.

66. PN-1243-L13822

**Tuan Lee Cheam Choon** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan memberi keutamaan kepada golongan guru wanita untuk mengikut suami mereka berpindah ke negeri yang sama untuk berkhidmat di sekolah.

**ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**  
(12 Disember, 2011)  
  
[ Kementerian Kewangan ]
2. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
  
[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]
3. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “  
  
[ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ]
4. (D.R. 22/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]
5. (D.R. 21/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]
6. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ]
7. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 “  
  
[ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]
8. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “  
  
[ Kementerian Pertahanan ]

9. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “  
**[ Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ]**
10. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Sumber Manusia ]**
11. (D.R. 42/2011) Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 “  
**[ Jabatan Perdana Menteri ]**
12. (D.R. 31/2011) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
13. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Jabatan Perdana Menteri ]**
14. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “  
**[ Jabatan Perdana Menteri ]**
15. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
16. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
17. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 “  
**[ Perdana Menteri ]**
18. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

19. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
20. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
21. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
22. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
23. (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
24. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 “  
**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**

25. PN-1243-U13086

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :

- a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat bangsa Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.

- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
  - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
  - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
    - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.
    - 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
    - 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
    - 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
    - 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.

- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarası tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

**[Perdana Menteri]**

26. PN-1243-U13088

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

**[Menteri Luar Negeri]**



27. PN-1243-U13090

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

**[Perdana Menteri]**

28. PN-1243-U13197

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara komanwel yang lain."

**[Perdana Menteri]**

29. PN-1243-U13198

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan mengubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini."

Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implimentasi undang-undang perhubungan perkauman."

**[Perdana Menteri]**

30. PN-1243-U13202

**Dr. S. Ramakrishnan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) menubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti menghadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

31. PN-1243-U13614

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjejaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

**[Menteri Pengajian Tinggi]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.93	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.100	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.101	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.104	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.105	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.106	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.107	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.108	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia (MPB) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2011</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.109	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Merdeka Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.115	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang dan Lembaga Pelabuhan Melaka Bagi Tahun 2010.	13 Disember 2011
ST.116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor dan Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.119	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.120	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011
ST.121	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Bagi Tahun 2010	13 Disember 2011